

Saya tersalah cakap PM tak tahu baca Quran — Nik Aziz

Oleh YULPISMAN ASLI

KOTA BHARU 25 Sept. — Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini mengaku tersalah cakap apabila mengatakan bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak tahu membaca al-Quran.

Beliau sebaliknya menjelaskan, apa yang hendak dikatakannya ialah Perdana Menteri tidak tahu berbahasa Arab.

Sehubungan itu, beliau berharap penjelasan tersebut dapat memperbetulkan kekeliruan yang mungkin timbul ekoran kenyataannya sebelum ini.

“Berhubung kenyataan saya bahawa Dr. Mahathir sendiri mengaku tidak tahu membaca al-Quran, saya ingin menjelaskan bahawa apa yang sebenarnya saya nak katakan ialah beliau tidak tahu berbahasa Arab,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Nik Aziz, kenyataannya bahawa Dr. Mahathir sendiri mengaku tidak tahu membaca al-Quran dibuat tanpa disengajakan kerana apa sebenarnya yang dimaksudkannya ialah Perdana Menteri tidak tahu berbahasa Arab.

“Saya nak kata Dr. Mahathir tak tahu bahasa Arab tetapi terkeluar mulut (Perdana Menteri) tak tahu baca al-Quran. Itu perkara biasalah (kerana) silap tu,” jelasnya yang hendak memperbetulkan kenyataannya itu mengenai Perdana Menteri.

Ditanya laporan polis yang dibuat oleh Ketua Pemuda UMNO Bachok, Mohd. Zain Yassim berhubung kenyataan tersebut, Nik Aziz berkata: “Saya harap dia terima penjelasan.”

Dalam laporan polis yang dibuatnya, Mohd.

■ Lihat muka 4

Saya tersalah cakap PM tak tahu baca Quran — Nik Aziz

Zain mendakwa, Nik Aziz mengeluarkan kenyataan menghina Perdana Menteri itu ketika berucap pada satu majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Agama Arab Beris Lalang di Bachok, kira-kira pukul 11 malam, Jumaat lalu.

Ekoran daripada laporan yang dibuat, Timbalan Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisyoner II, Abdul Aziz Nawi semalam berkata, siasatan telah dimulakan di bawah Seksyen 500 Akta Hasutan.

Nik Aziz sebelum ini turut disiasat oleh polis berhubung kenyataannya yang mengaitkan Allah sebagai ‘samseng’ di bawah Seksyen 290 Kanun Keseksaan yang menyabitkan seseorang yang menggunakan agama untuk mencetuskan suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci membenci, niat jahat atau memudaratkan.

Siasatan itu dibuat berikutan dua laporan polis yang dibuat oleh orang perseorangan terhadap Nik Aziz di Baling Kedah dan Pengkalan Chepa, Kelantan.